

Analisa Intipati Bajet 2009

Bersama
SALIHIN ABANG
 CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services Sdn Bhd
www.salihin.com.my



TEMPOH separuh penggal pertama 2008 menyaksikan ekonomi negara telah berkembang pada kadar 6.7 peratus. Kadar pertumbuhan yang tinggi ini adalah didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan usaha kerajaan yang berterusan untuk mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi negara. Ternyata dasar kerajaan ini telah menampakkan hasil yang baik walaupun persekitaran ekonomi dan kewangan dunia dalam keadaan ketidaktentuan.

Berikutan kenaikan harga minyak global, kerajaan telah menaikan harga minyak dan ini secara langsung telah menyumbang kepada kenaikan harga barang. Harga pengguna (CPI) naik sebanyak 4.4 peratus dalam tempoh tujuh bulan pertama dan dalam

bulan Julai yang lalu kadar inflasi telah berada pada paras 8.5 peratus iaitu kadar tertinggi semenjak tahun 1981. Tekanan inflasi memberi kesan yang begitu ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Antara barang makanan yang mengalami kenaikan harga yang tinggi ialah beras, roti dan bijiran, sayur-sayuran dan buah-buahan, daging, ikan dan makanan laut.

Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Bajet 2009 yang bertemakan 'Kerajaan Prihatin' mensasarkan bajet untuk tujuan meringankan beban rakyat akibat kenaikan harga barang. Sebanyak RM207.9 bilion diperruntukkan untuk Bajet 2009, di mana RM154.2 bilion adalah untuk mengurus dan sebanyak RM53.7 bilion untuk pembangunan. Beberapa aspek

yang diberi penekanan khusus dalam Bajet 2009 ialah membasmi kemiskinan dan meningkatkan pendapatan boleh guna rakyat. Ini dizahirkan melalui potongan cukai pendapatan individu daripada 28% kepada 27%. Disamping itu beberapa insentif cukai baru juga diperkenalkan bagi mencapai strategi bajet 2009.

Untuk golongan usahawan samaada yang mempunyai perniagaan tunggal atau syarikat sendirian berhad, Bajet 2008 memperkenalkan beberapa perubahan kepada Akta Cukai dan memperkenalkan beberapa insentif-insentif cukai baru. Untuk membincangkan secara ringkas intipati Bajet 2009, kita telah membahagikan analisa Bajet 2009 kepada pada cukai individu dan syarikat.

CUKAI INDIVIDU

PERUBAHAN	PENERANGAN
Kajian semula cukai pendapatan individu dan koperasi	<ul style="list-style-type: none"> I. Rebат cukai dinaikkan daripada RM350 kepada RM400. II. Kadar cukai dikurangkan 1 mata peratus daripada – 13% kepada 12% ($\text{RM}35,000 \leq \text{RM}50,000$) dan <ul style="list-style-type: none"> - 28% kepada 27% ($\text{RM}250,000 \geq$). <p>Cukai koperasi dikurangkan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kadar cukai bagi kumpulan pendapatan bercukai melebihi RM20,000 hingga RM30,000 dikurangkan 1 mata peratus daripada 3% kepada 2% - Kadar cukai bagi kumpulan pendapatan bercukai melebihi RM500,000 dikurangkan 1 mata peratus daripada 28% kepada 27%
Pengecualian cukai ke atas pendapatan faedah daripada deposit.	<ul style="list-style-type: none"> I. Wang yang didepositkan di semua institusi yang diluluskan untuk menerima deposit dikecualikan cukai sepenuhnya.
Kajian semula layanan cukai pendapatan ke atas elauan, manfaat berupa barang dan perkuisit.	<p>Manfaat majikan kepada pekerja seperti berikut diberikan pengecualian cukai:</p> <ul style="list-style-type: none"> I. Elauan petrol/perjalanan dari rumah ke tempat kerja sehingga RM2,400 setahun; II. Elauan petrol/perjalanan/tol atas urusan rasmi sehingga RM6,000 setahun; III. Elauan/fi meletak kenderaan; IV. Elauan makan; V. Elauan/subsidi penjagaan anak-anak sehingga RM2,400 setahun;

PERUBAHAN	PENERANGAN
	VI. Telefon bimbit/bil telefon/PDA dan langganan internet; VII. Barang majikan yang diberi secara percuma/diskaun yang mana diskaun tidak melebihi RM1,000 setahun; VIII. Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma/diskaun; IX. Subsidi kadar faedah bagi pinjaman berjumlah sehingga RM300,000; X. Perbelanjaan materniti dan perubatan tradisional seperti ayurvedic dan akupunktur; dan XI. Perkuisit anugerah kepada pekerja dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM2,000 setahun.
Pindaan sendiri untuk taksiran tambahan cukai pendapatan.	Pembayar cukai yang membuat pindaan sendiri tidak dikenakan penalti kesalahan terkurang lapor pendapatan atau terlebih menuntut potongan perbelanjaan.
Memperluaskan skop rayuan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan.	Pembayar cukai dibenarkan membuat rayuan dengan menggunakan Pemberitahuan Tiada Pengenaan Cukai sebagai ganti kepada notis taksiran.
Peruntukan penentuan dan kutipan cukai ke atas lain-lain pendapatan bukan pemastautin.	Pembayaran berkaitan dengan laba/keuntungan di bawah Seksyen 4(f) ACP dikenakan cukai pada kadar 10% daripada pendapatan kasar bukan pemastautin dan dibuat berdasarkan mekanisme cukai pegangan.

CUKAI SYARIKAT

PERUBAHAN	PENERANGAN
Meningkatkan had potongan cukai ke atas sumbangan/derma	Potongan bagi tujuan pengiraan cukai ditingkatkan daripada 7% kepada 10% daripada pendapatan agregat.
Potongan ke atas perbelanjaan pengambilan pekerja.	Kos pengambilan pekerja sebelum syarikat memulakan operasi dibenarkan potongan bagi tujuan pengiraan cukai.
Galakan cukai bagi mempertingkatkan latihan dalam bidang terpilih.	Potongan dua kali ke atas perbelanjaan latih pekerja dalam bidang berikut: I. Kursus teknologi maklumat dan komunikasi, elektronik dan sains hayat; II. Kursus 'post basic' dalam bidang kejururawatan dan penjagaan kesihatan bersekutu; dan III. Kursus kejuruteraan penyelenggaraan kapal terbang. Pengecualian cukai pegangan kepada pakar bukan pemastautin ke atas pendapatan daripada penyediaan perkhidmatan latihan teknikal dalam bidang tersebut.
Menambah baik pelepasan kumpulan (group relief).	Kadar kerugian tahun semasa dibenarkan ditolak dalam layanan pelepasan kumpulan ditingkatkan daripada 50% kepada 70%.
Galakan bagi meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).	Tempoh tuntutan Elaun Modal dipercepatkan ke atas perbelanjaan peralatan ICT termasuk komputer dan perisianya daripada 2 tahun kepada 1 tahun.
Pelaksanaan penentuan harga awal.	Bagi menangani isu perpindahan harga (transfer pricing) dengan lebih cekap, Syarikat dibenarkan membuat permohonan kepada Ketua Pengarah LHDN berhubung dengan Penentuan Harga Awal (APA).
Galakan cukai bagi penyenaraian syarikat dan produk asing di bursa Malaysia.	Pengecualian cukai diberi ke atas pendapatan fi yang diterima oleh penasihat korporat bagi penyenaraian utama, dwi atau bersilang seperti berikut: I. Syarikat mempunyai operasi ketara di luar negara; II. Dana Pertukaran Dagang dan Amanah Pelaburan Harta Tanah yang berlandaskan aset asing; III. Sekuriti yang tersenarai di luar negara; dan IV. Instrumen kewangan asing.

PERUBAHAN	PENERANGAN
Pengecualian cukai ke atas pendapatan penasihat korporat bagi terbitan dan urus niaga sukuk.	Pengecualian cukai pendapatan ke atas: I. Fi yang diterima oleh institusi yang layak daripada aktiviti mengatur, menaja jamin dan mengagih sukuk. II. Keuntungan diperoleh oleh institusi yang layak daripada urus niaga sukuk.
Kajian semula galakan bagi amanah pelaburan hartanah (REIT).	Kadar cukai pegangan dikurangkan kepada 10% bagi: I. Pelabur institusi asing; dan II. Pelabur bukan syarikat termasuk individu pemastautin dan bukan pemastautin.
Kajian semula pengenaan cukai pegangan (withholding tax) ke atas fi teknikal.	Bayaran ganti berkaitan dengan penginapan hotel di Malaysia tidak diambil kira dalam pengiraan pendapatan kasar fi teknikal bagi tujuan pengenaan cukai pegangan.
Layanan cukai pendapatan ke atas kos merungkai dan mengalih aset serta membaik pulih tapak.	Elaun imbangan diberi ke atas kos merungkai, mengalih loji dan jentera dan membaik pulih tapak di mana terletaknya aset tertakluk kepada syarat berikut: I. Tanggungjawab pelaksanaan ditetapkan di bawah undang-undang bertulis atau perjanjian; dan II. Loji dan jentera tersebut tidak boleh digunakan dalam perniagaan lain.
Pemakaian prinsip selenggan (arm's length) bagi transaksi perniagaan yang dilakukan antara syarikat berkaitan.	Peruntukan yang khusus diwujudkan bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah LHDN untuk membuat penyelarasan ke atas transaksi barang perkhidmatan dan bantuan pembiayaan antara syarikat kaitan berdasarkan prinsip selenggan (arm's length).
Layanan cukai ke atas bonus dan yuran pengarah.	Pendapatan bonus dari yuran pengarah dikenakan cukai dalam tahun pendapatan tersebut diterima.
Galakan cukai bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).	Syarikat PKS tidak layak mendapat kadar cukai 20% jika: I. 50% daripada modal berbayar dipegang oleh syarikat yang mempunyai modal berbayar \geq RM2.5 juta; atau II. Syarikat memegang 50% daripada modal berbayar syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar \geq RM2.5 juta; atau III. 50% daripada modal berbayar syarikat itu dna syarikat berkaitan yang mempunyai modal berbayar \geq RM2.5 juta dipegang oleh syarikat lain.
Memperluaskan galakan cukai bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan.	Galakan elauan modal dipercepatkan (accelerated capital allowance) ke atas peralatan kawalan keselamatan diperluaskan kepada semua jenis perniagaan.
Perluasan skop potongan cukai untuk projek komuniti.	Skop projek amal atau komuniti yang layak mendapat potongan bagi tujuan pengiraan cukai diperluaskan kepada projek meningkatkan pendapatan golongan miskin dan projek pemeliharaan atau pemuliharaan alam sekitar.

Secara keseluruhannya, Bajet 2009 adalah bajet rakyat yang memberi penekanan kepada meringankan bebanan kos hidup yang meningkat terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana. Dari segi percuakan pula beberapa akta dan insentif telah diperkemaskan untuk menambahbaik kutipan hasil kerajaan. Kepada para usahawan insentif dan galakan cukai hendaklah diambil peluang dengan sebaiknya untuk mengurangkan tanggungan cukai secara yang sah. 

PERCUMA!

KLINIK CUKAI
Walk-in Consultation (setiap Jumaat)

- 9 pagi - 12 tengahari
- 2 petang - 5 petang

atau email: info@salihin.com.my (24 jam)
 Sila hubungi untuk temujanji anda di talian 603 61874678 atau email kami sekarang!!

** Tertakluk kepada terma dan syarat